

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HMT 301 Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab ENAM soalan, SEMUA EMPAT [4] soalan daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan pilih DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga nombor 8 secara berurutan di muka hadapan buku jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda X di hadapan soalan yang tidak dijawab.

Jawapan mestilah ringkas, tepat, bernas dan analitikal.

Penggunaan bahasa Melayu tinggi diutamakan.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA EMPAT [4] soalan

1. Zainal Abidin bin Ahmad di dalam bukunya Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 (1965 : 91) menyatakan bahawa "Ada beberapa banyak perkataan yang boleh bertukar-tukar jenisnya, terkadang ia jadi Nama, terkadang jadi Perbuatan dan terkadang jadi Sifat dan terkadang jadi Sendi".

Sila beri contoh yang sesuai dan huraikan contoh tersebut bagi menerangkan pendapat di atas. Jika perlu, beri komen.

(15%)

2. Nik Safiah Karim et al. di dalam buku mereka Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan (1989 : 74) berpendapat bahawa awalan peR- merupakan penanda makna alat/tempat atau orang yang melakukan kerja. Contoh yang diberikan ialah: perasap dan perburu.

Berdasarkan pendapat di atas, sejauh manakah takrifan di atas sejajar dengan awalan peR- yang terdapat pada data yang berikut ini (huruf bergaris).

- (a) Hai orang muda, hendaklah engkau muslihatkan dengan daya upaya akan kanak-kanak itu, supaya kita peroleh akan dia. (Hikayat Raja Pasai, 1987 : 3).

(7.5%)

- (b) ... Sang Nata berpersesembahan segala kemenangannya seperti penunggul dan ufti dan persembahan sekalian negeri (Hikayat Raja Pasai, 1987 : 70).

(7.5%)

3. Abdullah Hassan (1986 : 157) menyatakan bahawa "Kemasukan (kata) dasar asing biasanya tidak mematuhi perubahan morfonologi bahasa Malaysia, misalnya: meN + proses = memproses (memeroses), meN + sistematiskan = mensistematiskan (menyistematiskan)".

Sila beri cadangan bagi menyelesaikan masalah yang dikemukakan di atas.

(15%)

4. Asmah Hj. Omar di dalam bukunya Nahu Melayu Mutakhir (1986 : 102-104) mengemukakan Kata Kerja Transitif Semu dan Kata Kerja Aktif Semu.

Sila beri huraihan dan contoh yang sesuai bagi kedua-dua bentuk kata kerja tersebut.

(15%)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. E.A. Nida di dalam bukunya Morphology: The Descriptive Analysis of Words (1970 : 54) mengemukakan Prinsip ke-4 mengenali morfem iaitu morfem kosong. Kemukakan pendapat anda tentang morfem kosong di dalam bahasa Melayu.

(20%)

6. H.A. Gleason di dalam bukunya An Introduction to Descriptive Linguistics (1975 : 51) memberi takrifan bahawa morfem pada umumnya merupakan urutan pendek daripada beberapa fonem.

Perlihatkan kelemahan takrifan ini dan berikan contoh yang sesuai bagi melengkapi huraihan anda.

(20%)

7. Hashim Musa (1987 : 394) di dalam salah satu kajiannya mengatakan bahawa "... tujuan kajian morfologi bukan setakat menentukan susunan linear morfem-morfem di dalam perkataan, tetapi juga menubuhkan sistem susunan hiraki di antara morfem-morfem itu".

Berdasarkan pandangan ini, sila lukis rajah binaan perkataan bagi beberapa perkataan di bawah ini (setiap perkataan, satu rajah).

- (a) ketepikan,
- (b) perhambakan,
- (c) menyusukan,
- (d) bersekedudukan,
- (e) mempersetentangkan.

(20%)

8. Berdasarkan kajian pembinaan kata yang pernah anda lakukan, sila tulis satu cerakinan pendek binaan kata tersebut sama ada daripada segi makna atau struktur. Anda bebas menggunakan data yang diperlukan.

(20%)

-ooo000ooo-